



Bahan asal dari Arkib  
Negeri Malaysia

**MENTERI** Besar Selangor yang baru, Datuk Haji Ahmad Basali Haji Ali mencium tangan bekas Menteri Besar, Datuk Haji Hormat Rafel diperhatikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Sulaiman Amin (bersongkok) ketika Datuk Haji Hormat meninggalkan pejabat Menteri Besar di Shah Alam petang semalam.

Datuk Haji Hormat datang ke pejabatnya bagi kali terakhir semalam bagi mengucapkan 'Selamat Tinggal' kepada para pegawai dan kakitangan dari berbagai jabatan

## Ciuman mesra tanda hormat

Kerajaan.

Selain dari Datuk Sulaiman, ketua dan para pegawai berbagai jabatan juga turut mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Haji Hormat.

Peristiwa yang menyayat hati ini dirakamkan oleh Jurugambar Berita Harian, Alfred Quek tepat jam 4.10 petang bila Datuk Haji Hormat masuk ke keretanya.